

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. TUAN WONG LING BIU**  
**KAWASAN : SARIKEI**  
**TARIKH : 15 MAC 2017, RABU**

**SOALAN:**

**YB. TUAN WONG LING BIU** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk memastikan Pekan Jakar di Sarikei tidak akan diabaikan selepas Lebu Raya Pan Borneo dibina kerana Pekan Jakar akan menjadi satu bandar yang akan menjadi laluan penting.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Pekan Jakar di Sarikei termasuk di bawah skop laluan Lebu Raya Pan Borneo Sarawak, iaitu melibatkan kontrak Pakej 6: dari Jambatan Sungai Awik ke Persimpangan Bintangor. Berdasarkan kontrak, pakej laluan ini dijangka akan siap sepenuhnya pada 31 Ogos 2020. Reka bentuk laluan yang melalui Pekan Jakar ini turut mengambil kira pandangan dan kepentingan penduduk setempat di mana ia berkonsepkan sistem trafik terbuka, iaitu kenderaan bebas untuk keluar masuk ke/dari Pekan Jakar. Ini bermakna pekan tersebut akan mendapat manfaat limpahan sosioekonomi secara langsung dari pelaksanaan projek Lebu Raya Pan Borneo apabila ia disiapkan kelak.

Sekian. Terima kasih.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI  
KAMARUDDIN [ AMPANG ]**

**TARIKH : 15.3.2017 (RABU)**

**SOALAN : 68**

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah langkah-langkah pihak Kerajaan bagi mewartakan tanah-tanah rezab Orang Asli yang masih lagi belum diluluskan.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di Pertua,

Pentadbiran undang-undang tanah di Semenanjung Malaysia terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri dan pewartaan tanah kepada Orang Asli dilaksanakan berdasarkan Akta Orang Asli 1954 (Akta 134) atau Kanun Tanah Negara 1965. Selain itu, pentadbiran tanah dilaksanakan secara berasingan oleh setiap Kerajaan Negeri di Semenanjung Malaysia berdasarkan tafsiran dan *Standard Operating Procedures* (SOP) masing-masing. Meskipun Seksyen 6 dan 7

Akta 134 membenarkan pewartaan kawasan Orang Asli dan rizab Orang Asli, undang-undang ini juga tertakluk kepada peruntukan Seksyen 48 Kanun Tanah Negara yang tidak membenarkan pemilikan bertentangan terhadap Negeri (*no adverse possession against the State*).

Walau bagaimanapun, usaha-usaha ke arah pewartaan telah diambil dan sedang dilaksanakan supaya penempatan perkampungan Orang Asli dapat diwartakan. Sehingga 31 Disember 2015, sebanyak 32,779.37 hektar telah diwartakan mewakili 25 peratus daripada jumlah keseluruhan tanah Orang Asli seluas 132,631.04 hektar. Pada tahun 2017, peruntukan berjumlah RM1.477 juta telah diluluskan kepada JAKOA bagi melaksanakan kerja-kerja ukur. Setelah kerja-kerja ukur ini selesai, pihak JAKOA akan mengemukakan permohonan pewartaan kepada Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri (PBN). Langkah-langkah ini diambil adalah bagi menentukan sempadan sekali gus dapat mengelak pertindihan tuntutan dan pencerobohan oleh pihak luar.

Kementerian ini turut mengadakan rundingan dengan pihak Kerajaan Negeri terhadap status permohonan dan isu-isu berbangkit di kawasan Orang Asli. Jemaah Menteri (JM) pada 3 Jun 2015 telah bersetuju dengan 17 tajuk 50 syor dapatan Pasukan Petugas Inkuiri Nasional berhubung hak tanah Orang Asli / Asal oleh SUHAKAM. Jawatankuasa Khas Kabinet mengenai Hak Tanah Orang Asal/Asli (JKKTHOA) yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri telah mengadakan mesyuarat kali pertama pada 7 April 2016 bagi

membincangkan isu tanah Orang Asal/Asli serta memastikan kesemua syor Inkuiri Nasional berhubung hak tanah Orang Asli / Asal dilaksanakan dalam tempoh yang telah ditetapkan. Mesyuarat ini dianggotai oleh Ketua Kerajaan Negeri, Menteri daripada Kementerian Persekutuan yang berkaitan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri serta Jabatan Peguam Negara.

Untuk makluman YB,

Pihak Kementerian juga turut membentangkan Kertas berhubung tanah Orang Asli melalui Mesyuarat Penyelarasan Antara Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah Dengan Exco-exco Luar Bandar (MEXCLUB) pada 20 Jun 2016 yang lalu. Selain itu, JAKOA turut bekerjasama dengan Bahagian Integriti dan Tadbir Urus, Jabatan Perdana Menteri (BITU, JPM) membentangkan Kertas Pertimbangan Cadangan Pewartaan Tanah kepada Orang Asli kepada Mesyuarat Pengarah Tanah Malaysia (PTM) Bil. 2/2016 pada 5 September 2016. Seterusnya, Kementerian ini bercadang untuk membentangkan Kertas Pertimbangan Cadangan Pewartaan Tanah dan Isu Tanah Orang Asli ke Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 23 Mei 2017.